

**PERPUSTAKAAN ALAM DAN TAMADUN MELAYU**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**AKHBAR : Utusan Malaysia**  
**TARIKH : 21 Ogos 2014**  
**HALAMAN : 12**

## Kedudukan ekonomi Melayu membimbangkan - Presiden DPMM

JOHOR BAHRU 20 Ogos - Kedudukan ekonomi orang Melayu di negara ini berada dalam situasi yang amat membimbangkan berbanding kaum lain, kata Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Syed Ali Alattas.

Beliau berkata, keadaan tersebut tambah merisaukan kerana Maysia adalah sebuah negara berbilang kaum dan latar belakang.

"Jurang perbezaan bidang ekonomi yang terlalu jauh antara kaum Melayu dan bukan Melayu di negara ini amat merisaukan kerana masyarakat Melayu adalah majoriti.

"Situasi mungkin tidak terlalu teruk jika negara ini adalah sebuah negara yang mempunyai satu kaum tertentu sahaja," ujarnya kepada pemberita ketika ditemui dalam majlis Mesra Aidilfitri Dewan Muda DPMM di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Dewan Muda DPMM, Muhammed

Farhan Basheer.

Tambah Syed Ali, dalam masa sama, masyarakat Melayu itu sendiri perlu berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dalam memastikan mereka juga mencipta kejayaan serta menguasai bidang perlakaan dan bukan hanya menjadi golongan pengguna.

"Situasi tersebut tidak akan berubah sekiranya masyarakat Melayu sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya dan perkara ini harus dilakukan. Sayang semua perancangan yang pernah dilakukan untuk membantu meningkatkan ekonomi Melayu di negara ini tidak berjalan dengan lancar seperti diharapkan," ujarnya lanjut.

Katanya, keadaan itu berikutan kebanyakannya agensi yang diwujudkan untuk membantu masyarakat Melayu di negara ini sama ada terpesong daripada tujuan asalnya atau pemimpinnya gagal melaksanakan tanggungjawab yang dia manahkan kepada mereka.



SYED Ali Alattas dan Muhammed Farhan Basheer (tengah) bersama ahli Dewan Muda DPMM dalam Majlis Mesra Aidilfitri di Hotel KSL, Johor Bahru, Johor, semalam. - UTUSAN/RAUF MUSTAFFA